

Ucapan Perasmian

**YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya**

**(dibacakan oleh YB Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin,
Timbalan Menteri Kerja Raya)**

**Sempena
Seminar “Fast Forward with MyCESMM”:
*Adopting Standardisation in Infrastructure Works***

**Dewan Tun Hussein Onn A, PWTC Kuala Lumpur
12 Disember 2017 (Selasa)**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku.

2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini, sempena seminar *Fast Forward with MyCESMM* dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman penggunaan MyCESMM. Saya berasa berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan seminar ini dan bertemu dengan penggiat industri pembinaan yang hadir pada majlis ini. Bagi saya, tahap pembangunan fizikal negara yang kita nikmati pada hari ini menunjukkan kapasiti dan kapabiliti yang dimiliki oleh industri pembinaan di negara kita adalah amat membanggakan.

Para hadirin sekalian,

3. Berdasarkan Laporan Bank Negara Malaysia bagi Suku Tahun Ke-3 2017, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 6.2 peratus pada suku ketiga 2017 berbanding dengan suku tahun ke-2 2017 iaitu sebanyak 5.8 peratus. Di mana, perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan manakala sektor luaran juga menyumbang kepada pertumbuhan hasil daripada pengembangan eksport yang lebih pantas iaitu sebanyak 11.8

peratus berbanding dengan suku tahun ke-2 2017 iaitu sebanyak 9.6 peratus.

4. Sebagai salah satu industri penyumbang kepada perkembangan ekonomi serta pembangunan negara, industri pembinaan negara dijangka menikmati pertumbuhan sebanyak 8.3 peratus pada tahun 2017 berbanding pertumbuhan industri adalah 7.4 peratus pada tahun 2016. Pertumbuhan industri pembinaan ini disokong dengan pelaksanaan projek-projek infrastruktur bersaiz mega di seluruh Malaysia di samping aktitiviti-aktiviti pembinaan dari sektor swasta bagi projek perumahan dan bukan perumahan. Dengan jangkaan kadar pertumbuhan sebanyak 8.3 peratus bagi tahun 2017, jangkaan nilai projek pembinaan sebanyak RM170 bilion boleh dicapai, dan dengan sokongan padu penggiat industri pembinaan juga, sasaran nilai projek pembinaan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM140 bilion akan dicapai memandangkan subsektor perumahan dijangka akan menurun sedikit berbanding tahun 2017.

Para hadirin sekalian,

5. Infrastruktur berpaksikan keperluan rakyat adalah tonggak Kementerian Kerja Raya dalam merancang, membangun dan menyelenggara infrastruktur sejajar dengan intipati tema Bajet 2018 iaitu ‘Memakmur Ekonomi’, ‘Inklusif’ dan ‘Mensejahtera Kehidupan Rakyat’. Manakala, dengan sumbangan pelaburan swasta yang mengatasi pelaburan awam dan pelaburan swasta dengan nisbah 70:30, penyediaan infrastruktur yang menyeluruh dan inklusif ini juga akan menjadi tonggak kepada pembangunan ekonomi negara.
6. Statistik CIDB menunjukkan nilai projek pembinaan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM229 billion dengan jumlah 6,855 projek pembinaan yang direkodkan. Nilai RM229 billion ini adalah nilai projek pembinaan yang paling tinggi dicatatkan sejak tahun 2010. Daripada jumlah projek yang direkodkan, sebanyak 60 peratus atau RM137 billion adalah merupakan projek-projek infrakstruktur iaitu projek-projek kejuruteraan sivil, manakala sebanyak 19 peratus atau RM43 billion adalah projek-projek bukan perumahan. Selain itu, sebanyak 18 peratus atau RM41 billion adalah projek-projek perumahan dan akhirnya sebanyak 4 peratus atau RM9 billion merupakan projek kemudahan

sosial.

7. Jika dilihat dari sudut nilai projek infrastruktur sektor awam di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas pula, penyediaan infrastruktur ini termasuk projek infrastruktur berimpak tinggi seperti projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dari Pelabuhan Klang ke Tumpat, Kereta Api Berkelajuan Tinggi dari Kuala Lumpur ke di Singapura (HSR), *Mass Rapid Transit* (MRT), Lebuhraya Pan Borneo, *Central Spine Road*, Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai dan Lebuhraya Pantai Barat.

Para Hadirin sekalian,

8. Kerja-kerja kejuruteraan awam adalah penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi sesebuah negara kerana pembangunan infrastruktur yang efisien merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi negara. Di dalam Rancangan Malaysia KeSebelas, sektor kejuruteraan awam merupakan salah satu daripada teras strategik yang telah dirangka, iaitu Memperkuuh Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi. Berdasarkan rekod CIDB dari tahun 2010 hingga Jun 2016, sebanyak 13,641 projek kejuruteraan awam telah diawad dan dianggarkan bernilai RM320 bilion.

Para hadirin sekalian,

9. Antara aspek yang kritikal dalam menentukan kejayaan sesebuah projek pembinaan adalah keupayaan pasukan projek atau pihak-pihak yang berkaitan dan kebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan. Sehubungan itu, CIDB dan penggiat industri pada tahun 2011 telah menghasilkan MyCESMM sebagai dokumen yang merangkumi kaedah-kaedah pengukuran, definisi, liputan dan penerangan untuk projek-projek kejuruteraan awam yang seterusnya boleh digunakan sebagai asas dalam penyediaan Senarai Kuantiti.

10. Objektif MyCESMM ini adalah untuk menggalakkan penggiat industri menerapkan amalan terbaik dalam penyeragaman pengukuran kerja-kerja sivil mengikut satu standard bagi mengurangkan kekeliruan mengenai kaedah

pengukuran, kaedah huraian dan definasi dan kaedah liputan kerja bagi setiap item yang dihargakan. Ia memainkan peranan strategik dalam menggalakkan sistem perolehan yang adil dan efektif.

11. Dengan menggunakan standard MyCESMM, di mana kesemua skop kerja diterangkan dengan jelas dan seragam, setiap kontraktor yang memasuki tender projek akan mendapat maklumat yang sama dan pemahaman yang sama mengenai kerja-kerja yang perlu dilakukan. Ini sekaligus mengurangkan atau melenyapkan ketidak pastian di dalam penyediaan harga tender dan kontraktor yang layak dapat dipilih dengan cara yang lebih objektif dan telus.

12. Oleh itu, penggunaan MyCESMM ini telah digariskan sebagai salah satu inisiatif dalam Program Transformasi Industri Pembinaan atau dalam Bahasa Inggerisnya, *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) di bawah Teras Strategik ke-4 iaitu Pengantarabangsaan sebagai salah satu langkah penting dalam meningkatkan daya saing penggiat industri dalam menempuh saingen di peringkat global. Antara lain inisiatif di bawah Pengantarabangsaan juga adalah penyediaan platform atas talian bagi pematuhan bahan pembinaan, latihan pegawai pemverifikasi pematuhan bahan pembinaan, cadangan instrumen kewangan, penambahbaikan SCORE dan meningkatkan penggunaan sumber tempatan dalam projek pembinaan domestik serta antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

13. Hari ini, kita bakal menyaksikan penyertaan tiga lagi agensi dan organisasi yang strategik dalam industri pembinaan iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan *Real Estate and Housing Developers Association* (REHDA) dalam menggunakan MyCESMM untuk projek-projek mereka. Tahniah diucapkan kepada semua organisasi yang terlibat!

14. Dalam melaksanakan pembangunan negara, kita menghadapi pelbagai ketidaktentuan. Antara tiga cabaran utama dalam mewujudkan sektor pembinaan yang kukuh dan mampan adalah mencari kombinasi rempah yang terbaik dalam

menghadapi era “*the new order*” geopolitik dan keamanan sejagat, memastikan keperluan rakyat terjamin dalam kerancakan pembangunan ekonomi dan kemunculan gelombang teknologi baharu iaitu Revolusi Perindustrian Ke-empat.

15. Kolaborasi yang akan dimerterai pada hari ini merupakan salah satu usaha ke arah perkongsian pintar antara agensi kerajaan dan sektor swasta yang selaras dengan Strategi lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Ia juga menepati usaha transformasi industri pembinaan negara melalui kolaborasi strategik, seperti yang ditera di dalam slogan CITP – Bersama menerajui kecemerlangan pembinaan. Saya mengambil peluang ini untuk menyeru lebih ramai para penggiat industri agar turut sama menggunakan MyCESMM di dalam perlaksanaan projek-projek pembinaan mereka. Kementerian Kerja Raya bersama agensinya sentiasa bersedia untuk memfasilitasi penyedia perkhidmatan kerja-kerja kejuruteraan awam dan penggiat industri pembinaan keseluruhannya demi memastikan infrastruktur di Malaysia adalah yang terbaik.

16. Dengan ucapan tersebut, dan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Seminar *Fast Forward with MyCESMM*. Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

#####